

02 FEB 1999

Hun Sen-Lawatan

HUN SEN LAWAT MALAYSIA MULAI KHAMIS

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Kemboja Hun Sen dijadual melakukan lawatan rasmi tiga hari ke negara ini mulai Khamis untuk mempertingkatkan hubungan dengan Malaysia atas Undangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau akan diiringi oleh beberapa menteri kabinet dan para pegawai kanan kerajaan, menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

Ini merupakan lawatan rasmi Hun Sen yang pertama ke Malaysia sejak pilihan raya umum Kemboja pada 1998.

Lawatan itu juga memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai isu dua hala, serantau dan isu-isu antarabangsa demi kepentingan bersama.

"Lawatan itu juga bertujuan untuk melahirkan penghargaan Phnon Penh kepada sokongan Malaysia mengenai isu kemasukan Kemboja ke dalam Asean," menurut kenyataan itu.

Sidang kemuncak Asean di Hanoi pada Disember tahun lepas bersetuju untuk menerima Kemboja sebagai anggota ke-10 Asean selepas Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Sidang kemuncak itu mengarahkan para Menteri Luar Asean mengaturkan tarikh, yang belum ditetapkan bagi upacara kemasukan Kemboja yang akan diadakan di Hanoi.

Hun Sen akan diberi sambutan rasmi di Dataran Parlimen sejurus selepas tiba dan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar di Istana Negara.

Hun Sen kemudian akan mengunjungi Dr Mahathir di Pejabat Perdana Menteri. untuk menyaksikan upacara pemeteraian Perjanjian Perdagangan antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir kemudian akan meraikan rakan sejawatannya dari Kemboja itu pada majlis jamuan malam di Sri Perdana.

Aturcara lain termasuk melawat ke Unit Perancang Ekonomi (EPU), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Menara Berkembar Petronas serta majlis jamuan malam oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia.

Hun Sen juga dijadual memberi ceramah bertajuk "Cambodia Towards a New Future" anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri.

Beliau akan berlepas pulang pada Sabtu.

-- BERNAMA

APG AHH RN FAZ